

# Pegawai kerajaan perlu faham arahan Kabinet

## Dasar membantu orang Melayu mesti sampai ke akar umbi

**K**UALA LUMPUR: Pucuk pimpinan Umno diminta memastikan semua pegawai kerajaan dan pelaksana dasar memahami segala arahan dan keputusan Kabinet supaya rakyat pada peringkat akar umbi mendapat manfaat sebenar.

Wakil Selangor, Datuk Mufti Shuib, yang menyampaikan ucapan dengan penuh berkias dan sinis, berkata ini penting bagi mengelak kesilapan dalam pelaksanaan dasar kerajaan.

"Kita tidak pernah menafikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalannya Datuk Seri Najib Razak memutuskan dasar membantu orang Melayu sampai ke akar umbi.

"Tapi kadang-kadang tersekat... keluar saja Kabinet intepretasi sudah lain. Kalau 1,000 patut sampai ke kampung, yang betul-betul sampai tinggal 100. Maka terencatlah pembangunan ekonomi di kampung," katanya ketika membahaskan ucapan dasar Presiden.

Veteran Umno dari Selangor itu berkata, aspek pelaksanaan arahan dan keputusan Kabinet perlu diberi perhatian supaya ia mencapai objektif.

"Soalnya pelaksanaan... (apabila gagal) akhirnya dituduh pemimpin Umno pula yang mahu kaya," katanya disambut tepukan gemuruh sehingga Timbalan Pengerusi Tetap, Datuk Paduka Badruddin Amirudin, membenarkannya berucap lebih 30 minit.

Mufti juga mengimbas sejarah perjuangan Umno dan mengaitkannya dengan keadaan Melayu ketika ini serta gaya dalam melaksanakan agenda parti.

*Tapi kadang-kadang tersekat... keluar saja Kabinet intepretasi sudah lain. Kalau 1,000 patut sampai ke kampung, yang betul-betul sampai tinggal 100. Maka terencatlah pembangunan ekonomi di kampung"*

**Mufti Shuib**  
*Wakil Selangor*

"Katanya, pucuk pimpinan parti perlu memastikan ahli Umno memahami dengan jelas keputusan Kabinet supaya pelaksanaannya mencapai sasaran.

Mufti turut membangkitkan soal orang Melayu yang mendakwa dari kumpul kelas satu tetapi memiliki semangat Melayu kelas ketiga.

Katanya, orang Melayu yang menentang Inggeris adalah di kalangan kelas ketiga yang mendapat pendidikan sehingga darjah enam sekolah Melayu atau paling tinggi, Senior Cambridge.

"Bukan Melayu kelas satu seperti

tuan-tuan hari ini, tapi Melayu mentaliti kelas tiga yang dapat menghancurkan harapan Inggeris menubuhkan Malayan Union dan menubuhkan Umno," katanya.

Beliau turut kesal sikap usahawan Melayu yang tidak menghargai sumbangan kerajaan seperti dalam kes pajakan permit teksi.

"Apa yang tidak dibagi oleh Umno? Apa yang Umno tidak bagi kepada orang Melayu? Malangnya sambutan dari bawah agak pincang, 1,000 permit teksi keluar, 750 kita bagi Melayu. Masuk tiga bulan, ia hilang bila ditanya mengapa dijual, disewa... (ja-

wabnya) saya ikut saranan kerajaan saya swastakan teksi saya," katanya menggamatkan dewan.

Mufti juga menaruh harapan agar Abdullah dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad kembali bersatu demi Melayu.

"Hari ini, perpaduan sudah ada, yang dulu disanjung, yang sekarang kita sayangi... nakhoda lama sudah berehat. Kita merayu kerana persepilihan sedikit menyusahkan orang Melayu.

"Kami merayu kedua-dua mereka bersatulah kembali demi orang Melayu," katanya.